

Ambil tindakan terhadap pegawai awam cuai

Oleh Suzalina Halid - Oktober 29, 2021 @ 4:53pm
suzalina@bh.com.my



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu mengambil tindakan lebih drastik termasuk mengheret mana-mana pegawai perkhidmatan awam ke muka pengadilan jika terbukti menyebabkan ketirisan wang.

Ketua Kluster Governan dan Integriti, Pusat Pengajian Kerajaan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Ahmad Marthadha Mohamed, berkata tindakan itu penting bagi meningkatkan tadbir urus yang baik dalam perkhidmatan awam.

Ini kerana katanya, ketirisan yang terus berlaku mampu memberi imej tidak baik kepada kerajaan khususnya buat perkhidmatan awam pada rakyat.

"Jumlah ketirisan dalam kerajaan yang dibentangkan melalui laporan audit sangatlah besar dan ini bukan suatu benda baharu sehingga ada kalanya kita lihat sektor awam seperti tidak begitu prihatin.

"Tindakan lebih drastik diperlukan bagi memastikan imej perkhidmatan dapat dipelihara dan rakyat seterusnya boleh memberikan kepercayaan tinggi kepada kerajaan," katanya kepada BH, di sini hari ini.

Semalam, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid menjelaskan ketidakpatuhan kementerian dan jabatan Persekutuan terhadap pengurusan kewangan menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan berjumlah RM620.07 juta pada 2020.

Pada masa sama, Ahmad Marthadha berkata, tindakan segera yang lebih tegas berupaya memberi pengajaran kepada penjawat awam daripada mengulangi kesilapan sama.

Beliau berkata, adalah penting untuk penjawat awam supaya lebih prihatin terhadap aspek perbelanjaan bagi memelihara imej perkhidmatan awam.

"Selain itu, unit audit dalaman juga perlu memainkan peranan untuk mengelakkan sebarang pembaziran, salah laku dalam perkhidmatan awam selain menangani perkara itu secepat mungkin.

"Kita tidak mahu kelalaian dan pembaziran ini terus berlaku dalam perkhidmatan awam sehingga mengakibatkan ratusan juta ringgit wang rakyat dikorbankan," katanya.